

Percaturan Anwar persiap pasukan tentukan kelangsungan parti

BERITA HARIAN 04 MAY 2025

M/S: 7

ANALISIS

Oleh
Mohd Nasaruddin Parzi

bhnews@bh.com.my



Menjelang hari pencalonan jawatan pimpinan pusat bagi Pemilihan PKR 2025 yang ditetapkan pada 8 dan 9 Mei ini, saingan jawatan naib presiden antara yang hangat dibincangkan dalam kalangan ahli parti itu, sekali gus menjadi tumpuan pemerhati politik tempatan.

Pencalonan ramai pemimpin kanan parti yang sudah mengesahkan diri untuk bersaing merebut empat kedudukan jawatan nombor tiga parti itu, bakal menyaksikan saingan pemilihan kali ini antara yang cukup segit dalam kalangan mereka.

Berbeza sebelum ini, pemilihan 2025 dianggap penting sebagai persediaan parti itu mendepani Pilihan Raya Umum (PRU) ke-16.

Bagi Presiden PKR selaku Pengerusi Pakatan Harapan (PH), Datuk Seri Anwar Ibrahim, pemilihan kali ini sudah tentunya menjadi 'percaturan' baginya mempersiapkan pasukan dalam menentukan hala tuju dan kelangsungan politik parti itu dan PH pasca PRU ke-16.

Seperti disentuh dalam ucapan ramai pemimpin PKR sebelum ini, matlamat mereka adalah mahukan PH terus menerajui kerajaan dan Anwar kekal menjadi Perdana Menteri selepas PRU16.

Sudah tentu, dalam memandu ke arah hala tuju itu, PKR perlu menerima realiti dinamika politik baharu, di mana parti perlu menjalin kerjasama dengan rakan gabungan politik lain.

Bermakna, skop kerjasama politik yang dijalin PKR menjelang PRU16 atau pada masa de-

pan, tidak lagi terhad kepada ruang lingkup kepartian dalam PH yang menjadi teraju utama mendepani pilihan raya terdahulu, sebaliknya diperluas kepada kerjasama rentas gabungan.

Ini termasuk meneruskan kerjasama dengan 18 parti yang membentuk Kerajaan Perpaduan ketika ini.

Dalam mendepani suasana dinamika politik seperti ini, PKR perlu memiliki lebih ramai pasukan perunding yang hebat.

Justeru, pemilihan barisan empat naib presiden parti semestinya tidak lari daripada meniti haluan ini. Ini jelas dapat dilihat peranan mereka merundingkan kerusi dan jawatan penting dalam Kerajaan Persekutuan dan negeri ketika berlangsung dan berakhirnya PRU15 serta Pilihan Raya Negeri (PRN) pada 2023.


Securangnya lapan pemimpin sudah mengesahkan diri bertanding, termasuk empat penyandang iaitu Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam, Nik Nazmi Nik Ahmad; Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Chang Lih Kang; Menteri Besar Negeri Sembilan, Datuk Seri



Dr Sathia Prakash



Aminuddin Harun



Nurul Izzah Anwar



R Ramanan

Aminuddin Harun dan Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amiruddin Shaari.

Empat lagi pemimpin, Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Datuk Seri R Ramanan; bekas Ahli Parlimen Permatang Pauh, Nurul Izzah Anwar; Ahli Parlimen Bayan Baru, Sim Tze Tzin serta Timbalan Setiausaha Agung PKR, Dr Sathia Prakash Nadarajan.

Menteri Komunikasi yang juga Ketua Penerangan PKR, Datuk Fahmi Fadzil yang sebelum ini menyatakan hasrat bertanding jawatan itu, sudah mengumumkan menarik diri, sebaliknya hanya akan bertanding merebut 20 tempat dalam Majlis Pimpinan Pusat (MPP).

Dalam kalangan lapan pemimpin itu, Amiruddin memiliki peluang agak cerah untuk me-

mereka untuk menjadi perwakilan bagi mengundi pimpinan tertinggi hujung bulan ini.

Nurul Izzah pula dianggap calon berpengaruh dalam PKR. Walaupun pada pemilihan lalu, beliau tidak bertanding dan menerajui kempen Ayuh Malaysia dibawa Rafizi, kedudukan-

nya untuk berada dalam empat kelompok jawatan Naib Presiden seakan sukar digugat.

Selain Tze Tzin dan Dr Sathia pula dilihat sosok pemimpin yang tidak begitu terikat dengan mana-mana kem.

Selaku pengasas rangkaian klinik Kumpulan SP Care, barangkali tiada masalah Dr Sathia dikenali ramai.

"Walaupun saya tidak berada dalam mana-mana jawatan di peringkat negeri atau persekutuan, saya percaya pengalaman, rekod khidmat serta pendekatan inklusif yang saya bawa boleh memberikan nilai tambah kepada barisan kepimpinan parti," katanya.

Anwar dijangka menang tanpa bertanding, tetapi kedudukan Rafizi sebagai orang nombor dua masih lagi menjadi persoalan apabila muncul pula khabar angin, kononnya beliau 'merajuk' dan bakal membuat satu keputusan penting berhubung masa depannya dalam PKR.

Bagi saingan Wanita PKR, pertembungan semula dua pemimpin di antara penyandangannya, Fadhlina Sidek, dengan Ahli Parlimen Ampang, Rodziah Ismail, dijangka berlaku pada pemilihan parti kali ini.

Sementara bagi kedudukan Ketua AMK, Setiausaha Politik kepada Datuk Seri Anwar Ibrahim, Muhammad Kamil Abdul Munim, dilihat mempunyai laluan agak selamat untuk menang.

nyandang jawatan Naib Presiden. Ia berbekal sokongan kuat daripada perwakilan di Selangor.

Ketika pemilihan 2022, Ramanan pernah menyatakan hasrat bertanding, tetapi hanya merealisasikan pada kali ini. Beliau dilihat memiliki kelebihan dalam saingan kali ini berbekal sokongan perwakilan dari kalangan masyarakat India.

Peranannya sebagai Pengerusi Jawatankuasa Khas Unit Transformasi Masyarakat India Malaysia (MITRA) dan cukup vokal dalam memperjuangkan nasib kaum India, selain reaksinya dalam isu semasa terutama isu kuil baru-baru ini, menyerlahkan penampilannya dalam PKR.

Sentimen akar umbi

Cabaran menanti tiga penyandang Naib Presiden iaitu Nik Nazmi, Lih Kang serta Aminuddin. Pada pemilihan 2022, mereka menyertai kem Ayuh Malaysia yang diterajui Datuk Seri Rafizi Ramli.

Namun, sentimen akar umbi yang mengaitkan mereka dengan Rafizi dijangka boleh menggugat kedudukan masing-masing untuk sekurangnya mempertahankan jawatan disandang.

Ini selepas ramai dalam kalangan pemimpin dan penyokong yang dikaitkan dengan Rafizi tewas dalam pemilihan di cabang, sekali gus menyukarkan

